

FAKTOR-FAKTOR HALANGAN TERHADAP POTENSI KUTIPAN ZAKAT PERNIAGAAN

Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim

College of Business Management and Accounting,
Universiti Tenaga Nasional,
26700 Bandar Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Email: ishak@uniten.edu.my

Izzatul Ussna Ridzwan

College of Business Management and Accounting,
Universiti Tenaga Nasional,
26700 Bandar Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Email: Izzatul@uniten.edu.my

Mohd Rizuan Abdul Kadir

College of Business Management and Accounting,
Universiti Tenaga Nasional,
26700 Bandar Muadzam Shah, Pahang, Malaysia
Email: MRizuan@uniten.edu.my

ABSTRAK

Zakat dalam Islam merupakan tanggungjawab wajib kepada mereka yang mampu dan diberikan kepada yang memerlukan bagi memastikan keadilan dan kestabilan sosial terjamin. Ianya hendaklah dikeluarkan dengan menyerahkan kepada pihak yang berkuasa untuk diagihkan kepada asnaf zakat yang layak. Di Malaysia, institusi yang menguruskan kutipan zakat di negeri-negeri telah diperbadankan dengan tujuan untuk memaksimumkan kecekapan dalam pengurusan kutipan zakat. Keberkesanan institusi kutipan zakat telah terbukti melalui kadar kutipan yang meningkat bagi purata kutipan setiap tahun. Walau bagaimanapun dari segi pecahan, keseluruhan zakat perniagaan yang dikutip bolehlah dianggap sebagai rendah dan kecil iaitu hanya kira-kira 19.4% daripada keseluruhan jumlah zakat. Jumlah ini jauh berbeza jika dibandingkan dengan cukai perniagaan yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dimana, 52.3% daripada jumlah kutipan adalah zakat perniagaan. Sehingga hari ini, ketidakseimbangan dalam pungutan zakat daripada perniagaan tidak dapat dijelaskan, dan ini boleh menjejaskan potensi kutipan zakat perniagaan. Disebabkan itu, kajian ini telah dirumuskan bagi mengenalpasti faktor-faktor halangan terhadap potensi kutipan zakat perniagaan. Kajian ini dijalankan melalui perbincangan kumpulan sasaran. Hasil daripada perbincangan, kajian ini telah mengenalpasti dan mengklasifikasikannya kepada tiga perkara situasi, iaitu; keperluan pendidikan zakat kepada peniaga, hubungan pusat zakat dengan peniaga dan rekod kewangan perniagaan itu sendiri. Sebagai rumusan terhadap kajian yang telah dijalankan ini, urusan zakat dalam negara kita masih belum mencapai satu tahap yang boleh dianggap lengkap dan cemerlang.

Kata kunci: Zakat, zakat perniagaan, pengurusan zakat, faktor halangan zakat.

Latar belakang kajian

Zakat dalam Islam merupakan tanggungjawab wajib kepada mereka yang mampu bagi memastikan keadilan dan kestabilan sosial terjamin (Abdul Muhaimin, 2009). Ianya mempunyai peranan yang besar dalam aspek ekonomi dan masyarakat (Abdul Muhaimin, 2009). Zakat bukan sekadar satu kewajipan ibadah, malah suatu kewajipan kewangan serta mempunyai hubungan antara insan dengan penciptanya disamping merangkumi hubungan insan dengan insan serta masyarakat (Abdul Muhaimin, 2009).

Zakat hendaklah dikeluarkan dengan menyerahkan kepada pihak yang berkuasa untuk diagihkan kepada asnaf zakat yang layak (Abdul Muhaimin, 2009). Undang-undang negara jelas memperuntukkan bahawa zakat hendaklah dibayar kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing ataupun kepada badan-badan yang dilantik sebagai amil bagi menerima pembayaran zakat (Siti Mashitoh, 2007). Oleh itu, pembayaran zakat kepada pihak lain dianggap bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada, walaupun pada hakikatnya pembayaran zakat yang dilaksanakan oleh pembayar terus kepada asnaf tidaklah bertentangan dengan Hukum Syarak (Siti Mashitoh, 2007).

Di Malaysia, institusi formal yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mengumpul zakat adalah di bawah bidang kuasa MAIN (Azman, Mohammad, & Syed Mohd Najib, 2012; Sanep, Hairunnizam, & Adnan, 2006). Institusi ini menggunakan beberapa nama berbeza mengikut negeri masing-masing seperti Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Pusat Kutipan Zakat (PKZ) dan lain-lain yang kebanyakannya merujuk kepada institusi yang mempunyai peranan yang sama, iaitu urusan kutipan zakat.

Era institusi ini bermula di awal tahun 90-an, dan ianya mula ditubuhkan dan diswastakan (Abdul Halim, Rawi, & M Sulaiman, 2011). Ianya bermula dengan MAIN Wilayah Persekutuan dengan tertubuhnya institusi penswastakan kutipan zakat yang pertama

pada tahun 1991, iaitu Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ WP). Sejak itu, negeri-negeri lain di Malaysia mula memperkenalkan pusat pungutan zakat masing-masing di bawah nama yang berbeza. Antaranya, Negeri Selangor menswastakan kutipan zakat pada tahun 1994 dengan menggunakan nama 'Pusat Zakat Selangor', dan kini ianya dikenali sebagai Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Tujuan penswastaaan ialah untuk memaksimumkan kecekapan dalam kutipan zakat (Azman et al., 2012). Institusi ini digerakkan sepenuhnya untuk mewujudkan kesedaran berzakat antara kalangan masyarakat dan mengutip semua jenis zakat di Malaysia. Hasil penubuhan institusi telah menunjukkan suatu kesan yang sangat positif melalui peningkatan kuantum kutipan zakat yang dikumpul oleh negeri-negeri di Malaysia (Sanep et al., 2006).

Permasalahan Pada Kutipan Zakat Perniagaan Di Negeri Selangor

Keberkesanan institusi kutipan zakat telah dinyatakan oleh Mejar Jeneral Dato 'Seri Khir bin Haji Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, dalam ucapannya pada Seminar Zakat Serantau 2011, Kuala Lumpur. Menurut beliau kesedaran tentang kewajipan berzakat di kalangan umat Islam di Malaysia semakin meningkat. Kutipan zakat pada tahun 2009 adalah RM1.2 bilion dan meningkat kepada RM1.5 bilion pada 2010, kenaikan sebanyak 26.71%.

Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai kadar kutipan zakat yang tertinggi di Malaysia. Selangor mencatat jumlah pembayar dan kadar kutipan zakat perniagaan yang tertinggi (Norazlina & Abdul Rahim, 2011), disamping bertanggungjawab dalam merumuskan kaedah pengiraan zakat perniagaan yang lebih tersusun (Mohd Rizuan, 2015). Keberkesanan Negeri Selangor dalam mengurus zakat diakui dan menjadi contoh kepada negeri-negeri lain.

Negeri Selangor mencatatkan kutipan zakat yang meningkat setiap tahun. Pada tahun 2012 merekodkan peningkatan sebanyak empat belas peratus (14%) kepada RM451 juta, dengan peningkatan pembayar zakat sebanyak tujuh belas peratus (17%), iaitu kepada 210,723 orang. Jumlah kutipan ini terus meningkat bagi tahun 2015¹, ianya telah melebihi sasaran dengan kutipan sebanyak RM626.6 juta berbanding RM582.3 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2014.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM605.2 juta dikutip daripada zakat harta manakala RM21.5 juta daripada zakat fitrah. Daripada keseluruhan zakat harta yang dikutip, pecahan untuk perniagaan ialah sebanyak RM117.2, iaitu kira-kira 19.4% daripada keseluruhan jumlah zakat. Jumlah ini dianggap sebagai rendah dan kecil (Mohd Rahim, Ariffin, & Abd Samad, 2011; Ram Al Jaffri, 2010), berbanding jumlah keseluruhan kutipan zakat (Halizah, Kasumalinda, & Agoos Munalis, 2011).

Sebagai perbandingan, cukai perniagaan adalah komponen utama bagi kutipan cukai pendapatan di Malaysia. Pada tahun 2014 sahaja, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)² melaporkan bahawa jumlah kutipan cukai ialah RM133.7 bilion. Daripada jumlah ini, RM69.95 bilion telah dikumpulkan daripada perniagaan iaitu 52.3% daripada jumlah kutipan cukai. Jumlah ini jauh berbeza berbanding dengan zakat perniagaan yang hanya merangkumi 19.4%. Keadaan ini tidak sepatutnya berlaku kerana zakat perniagaan harus menjadi salah satu penyumbang utama kepada jumlah kutipan zakat (Mohd Rahim et al., 2011). Oleh itu, institusi zakat di Malaysia masih berusaha untuk meningkatkan kutipan zakat perniagaan (Halizah et al., 2011).

Satu perbincangan kumpulan sasar telah dibuat oleh Mohd Rizuan (2015) bersama syarikat pembayar zakat, akauntan agen zakat, institusi zakat dan para penyelidik zakat mengenai zakat perniagaan. Mereka bersetuju bahawa zakat yang dipungut tidak selaras dengan kutipan cukai daripada perniagaan. Walau bagaimanapun, tiada satu rumusan yang dapat dibuat mengenai jurang perbezaan ini. Ini ialah kerana pemilik perniagaan boleh membayar zakat perniagaan sebagai zakat individu untuk mendapatkan lebih banyak faedah daripada cukai melalui rebat zakat. Disamping itu, ada juga syarikat yang mempunyai jawatankuasa mereka sendiri untuk mengira dan mengagihkan zakat di peringkat syarikat secara terus.

Disebabkan oleh ketidakpastian yang terdapat dalam kutipan zakat perniagaan, kajian ini telah dirumuskan bagi mengenalpasti potensi kutipan zakat perniagaan. Oleh kerana keberkesanan kutipan Negeri Selangor yang telah diakui, kertas kerja ini akan mengambil Negeri Selangor sebagai model bagi mencari faktor-faktor halangan terhadap potensi kutipan zakat perniagaan di Malaysia. Bagi tujuan ini, perbincangan akan tertumpu kepada perbincangan kumpulan sasar bersama para peniaga di Negeri Selangor.

Jesteru itu, kertas kerja ini akan mengenalpasti faktor-faktor halangan terhadap potensi kutipan zakat perniagaan, dan pada setiap perbincangan, rumusan bagi mengatasi faktor-faktor halangan dari perspektif para peniaga. Ini secara tidak langsung dapat membantu pihak pengurusan zakat menyemak semula praktis yang sedia ada dan mungkin boleh dijadikan panduan untuk tujuan penambahbaikan.

Metodologi

Perbincangan di bahagian ini adalah berkaitan kutipan data yang merangkumi perkara-perkara seperti sampel, prosedur kajian dan pentadbiran persampelan. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan faktor-faktor halangan terhadap potensi kutipan zakat perniagaan di Negeri Selangor daripada perspektif peniaga. Kajian ini dijalankan di negeri Selangor adalah bertujuan untuk merealisasikan permintaan daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang juga turut menyumbang dana bagi

¹ Boleh didapati dari <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/kenyataan-akhbar-pencapaian-agihan-dan-kutipan-zakat-negeri-selangor-2015/>

² Boleh didapati dari http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/Laporan_Tahunan_2014_BM.pdf

menjalankan kajian ini. Kajian ini merupakan kajian penerokaan dikelolakan melalui perbincangan kumpulan sasar. Kajian-kajian terdahulu dalam persekitaran zakat kurang tertumpu kepada kaedah ini dalam merumus faktor halangan khususnya bagi zakat perniagaan.

Perbincangan bersama kumpulan sasar juga dilihat sebagai satu kaedah yang lebih sesuai dan tepat memandangkan penglibatan mereka secara langsung dalam perniagaan. Tambahan pula dengan pelbagai pengalaman yang ada dalam urusan pembayaran zakat perniagaan dapat memberikan input dan maklumat yang berguna bagi kajian ini.

Unit analisis dalam kajian ini terdiri daripada pemilik-pemilik perniagaan di sekitar negeri Selangor. Pemilik-pemilik perniagaan dijadikan sasaran kajian memandangkan mereka merupakan golongan yang dikenalpasti berpotensi untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah pembayar zakat perniagaan.

Bagi kajian kualitatif, satu perbincangan adalah mencukupi untuk tujuan pengumpulan data sekiranya ia adalah unik dan tidak boleh dibandingkan dengan kes yang lain (Baker & Edwards, 2012). Bagi kajian ini, satu perbincangan bersama kumpulan sasar telah dirancang untuk tujuan pengumpulan data. Responden yang akan digunakan akan dipilih dikalangan pemilik perniagaan yang beragama Islam di negeri Selangor, yang mempunyai latar belakang perniagaan dan pemilikan yang berbeza. Ini adalah untuk mendapatkan input yang lebih menyeluruh, berkualiti dan dapat mewakili kebanyakan pembayar zakat perniagaan di negeri Selangor secara amnya.

Hasil Dan Analisa Kajian

Sesi perbincangan berasaskan kumpulan sasar telah diadakan pada hari Sabtu 9 Januari 2016, jam 10.00 pagi bertempat di Hotel Bangi Putrajaya bersama empat responden yang terdiri daripada pemilik perniagaan. Keempat-empat responden telah mempunyai pengalaman perniagaan antara 15 hingga 25 tahun. Responden juga merupakan pembayar zakat dan mempunyai pengalaman luas dalam urusan bayaran zakat dengan pusat zakat yang berkaitan. Bagi merealisasikan kajian ini secara telus dan nyata, maka identiti responden selaku pemilik perniagaan dan juga perincian latarbelakang perniagaan terpaksa dirahsiakan. Ini bagi menjaga nama baik dan keharmonian serta hubungan responden supaya tidak menjejaskan prestasi perniagaan.

Ringkasan profil responden adalah seperti Jadual 1 di bawah menerangkan secara ringkas berkaitan responden sebagai pemilik perniagaan itu sendiri. Terdapat dua responden yang menceburi perniagaan dalam bidang perkhidmatan dan dua lagi dalam bidang pengilangan. Saiz perniagaan mereka pula adalah bersaiz sederhana. Terdapat percampuran tempoh lama mana mereka menceburi perniagaan masing-masing. Ini dapat membantu dalam pengumpulan maklumat berkaitan dengan kajian ini. Satu perkara yang amat penting dalam kajian potensi kutipan zakat adalah responden itu sendiri mestilah buat masa kini merupakan pembayar zakat.

Semua responden tersebut adalah bertempat di daerah Selangor selaras dengan penentuan skop kajian ini. Semua maklumbalas yang diterima berkaitan kajian ini telah direkod dan dirumuskan berdasarkan penganalisan kumpulan sasar. Pelbagai perspektif permasalahan yang telah dikemukakan dalam sesi perbincangan tersebut yang berkaitan dengan urusan kutipan dan juga agihan wang zakat. Ada juga beberapa perkara khusus yang diajukan dan memerlukan tindakan serta kerjasama pelbagai pihak bagi meningkatkan jumlah pembayar zakat pada masa akan datang.

Jadual 1: Profil responden

Ciri-Ciri	Responden 1	Responden 2	Responden 3	Responden 4
i. Pemilik	Ya	Ya	Ya	Ya
ii. Jenis Perniagaan	Perkhidmatan	Perkhidmatan	Pengilangan	Pengilangan
iii. Saiz Perniagaan	Sederhana	Sederhana	Sederhana	Sederhana
iv. Tempoh Perniagaan	18 tahun	20 tahun	25 tahun	15 tahun
v. Pembayar Zakat	Ya	Ya	Ya	Ya
vi. Negeri	Selangor	Selangor	Selangor	Selangor

Sebagai rumusan terhadap perbincangan dan maklumbalas yang diterima daripada responden, kajian ini telah mengenalpasti dan mengklasifikasikan hasil perbincangan kepada tiga situasi. Setiap perkara dinyatakan perincian pemasalahannya supaya kajian ini dapat memberi kesan yang positif terhadap daya usaha pusat zakat dalam meningkatkan bilangan pembayar zakat. Ini secara tidak langsung dapat memperbanyakkan lagi jumlah kutipan zakat. Berdasarkan perbincangan dengan responden beberapa faktor telah dikenalpasti dan dicadangkan pelaksanaannya bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan.

Analisa terperinci dikemukakan dalam bentuk tiga faktor besar. Bagi setiap faktor dinyatakan pemasalahan yang timbul bagi setiap situasi. Pertama adalah berkaitan dengan keperluan pendidikan zakat kepada peniaga. Kedua ialah hubungan pusat zakat

dengan peniaga-peniaga itu sendiri yang berada dalam konstituensi atau daerah di dalam negeri Selangor. Hubungan yang baik dapat membantu dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif atau dasar. Manakala yang ketiga ialah rekod kewangan perniagaan itu sendiri. Rekod kewangan perniagaan merupakan dokumen penting bagi mengenalpasti jumlah asset perniagaan yang bakal dikira bagi menentukan jumlah sebenar zakat yang perlu dibayar.

Perkara 1: Keperluan Pendidikan Zakat Ke Atas Peniaga

Situasi Permasalahan

Kekurangan dalam pengetahuan serta ilmu penilaian dan penaksiran zakat akan menjejaskan bilangan pembayar zakat. Kita semua jelas bahawa bagi sesiapa pun sekiranya kita tidak faham dalam sesuatu perkara maka kita tidak akan membuat apa-apa tindakan. Pendidikan zakat merupakan satu keperluan bagi meningkatkan lagi bilangan pembayar zakat perniagaan. Ini disebabkan pembayaran zakat perniagaan memerlukan kefahaman teknikal dalam menilai dan menaksir jumlah bayaran zakat yang perlu dibayar. Bukan semua perniagaan mempunyai perincian taksiran yang sama sebab cara penentuan butiran perniagaan yang relevan memerlukan pengetahuan teknikal dan yang bersesuaian dengan jenis perniagaan. Berdasarkan permasalahan ini beberapa tindakan telah dikenalpasti melalui hasil kajian daripada kumpulan sasaran.

Pertama: Dicadangkan pihak berwajib dengan urusan kutipan zakat mengadakan aktiviti pendidikan zakat dengan persatuan-persatuan perniagaan bagi menyampaikan inisiatif pusat zakat secara berterusan. Di dalam negara kita, Malaysia, terdapat begitu banyak persatuan-persatuan perniagaan seperti persatuan pekilang, nelayan, pembangunan, pengeksporth, pengimport, tekstil dan sebagainya.

Kedua: Peniaga perlu dididik betapa pentingnya mensucikan harta melalui pembayaran zakat pada peringkat awal perniagaan. Sekiranya ini dilaksanakan, keberkatan perolehan hasil perniagaan akan lebih konsisten atau malah menunjukkan peningkatan prestasi perniagaan yang baik.

Ketiga: Peniaga perlu diajar dan dididik cara untuk menaksir zakat bagi memudahkan lagi kefahaman mereka terhadap cara bagaimana membuat taksiran zakat perniagaan. Pusat zakat sendiri perlu turun padang untuk membantu peniaga dalam urusan menaksir zakat.

Perkara 2: Hubungan Pusat Zakat Dengan Peniaga

Situasi Permasalahan

Hubungan pusat zakat dengan peniaga merupakan faktor penting bagi menggalakkan peningkatan pembayar zakat perniagaan. Tanpa hubungan yang akrab akan menyebabkan pihak peniaga tidak memahami atau mengetahui apakah peranan sebenarnya pusat zakat dari segi kutipan dan agihan serta faktor keperluan undang-undang dalam kewajipan membayar zakat. Berdasarkan permasalahan ini beberapa tindakan telah dikenalpasti melalui hasil kajian daripada kumpulan sasaran.

Pertama: Menggunakan pendekatan hubungan dengan persatuan-persatuan peniaga dalam mengadakan hubungan yang lebih baik. Dengan cara sebegini banyak maklumat berkaitan inisiatif zakat dapat disalurkan melalui persatuan-persatuan yang berkaitan. Saluran bantuan juga boleh diberikan kepada staf-staf pembayar zakat itu sendiri yang memerlukannya. Ataupun mengadakan aktiviti sebagai sumbangan balik kepada perniagaan itu sendiri dan menjana lebih banyak kutipan zakat perniagaan pada masa akan datang.

Kedua: Menjadikan peniaga itu sendiri sebagai agen untuk menyalurkan inisiatif pusat zakat bagi meningkatkan bilangan pembayar zakat di kalangan peniaga. Ini hanya boleh dilaksanakan dengan kaedah hubungan yang baik antara pusat zakat dan pembayar zakat yang sedia ada. Ini seumpama melantik mereka sebagai amil.

Ketiga: Mengadakan hubungan dengan firma audit dan dengan cara sebegini dapat memperluaskan lagi aktiviti hubungan dengan peniaga-peniaga yang berpotensi sebagai pembayar zakat. Seperti sedia maklum bahawa terdapat banyak peniaga yang menggunakan perkhidmatan firma audit bagi tujuan pengauditan rekod kewangan. Oleh itu, secara tak langsung, mereka sebagai firma audit boleh menjadi faktor penghubung antara peniaga dengan pusat zakat.

Perkara 3: Rekod Kewangan Peniaga

Situasi Permasalahan

Rekod kewangan perniagaan yang tidak lengkap akan menjejaskan beberapa tindakan susulan yang perlu diambil oleh pengurusan perniagaan itu sendiri. Ini termasuk bagi memenuhi keperluan undang-undang perniagaan yang memerlukan rekod kewangan yang lengkap bagi tujuan pengauditan, pinjaman bank, penaksiran cukai korporat dan seterusnya dapat membantu dalam penaksiran zakat perniagaan. Berdasarkan permasalahan ini beberapa tindakan telah dikenalpasti melalui hasil kajian daripada kumpulan sasaran.

Pertama: Mengadakan sekurang-kurangnya rekod duit masuk dan keluar yang lengkap. Ini bermakna tindakan paling minima ialah merekodkan duit keluar masuk dan seterusnya ini dapat membantu dalam proses menyediakan penyata kewangan yang berlandaskan piawaian perakaunan yang diterima umum.

Kedua: Peniaga perlu diberi ilmu dan pengetahuan tentang pentingnya rekod kewangan yang lengkap. Pendidikan tentang rekod kewangan yang lengkap dan apakah faedahnya dalam perniagaan perlu disampaikan kepada peniaga melalui sesi-sesi perbincangan, taklimat, bengkel dan juga saluran-saluran lain yang boleh mendatangkan faedah. Ini dapat mendidik mereka tentang kesan positif sekiranya rekod kewangan diadakan secara lengkap dan mematuhi keperluan undang-undang.

Kesimpulan – Usaha Pusat Zakat Yang Tidak Sampai Ke Kumpulan Sasaran

Sebagai rumusan terhadap kajian yang telah dijalankan, urusan zakat dalam negara kita Malaysia masih belum mencapai satu tahap yang boleh dianggap lengkap dan cemerlang. Terdapat halangan atau faktor yang menghalang proses kutipan zakat dikalangan peniaga-peniaga. Perkara sebegini masih berlaku di merata negeri di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya boleh dilakukan terhadap negeri-negeri lain di Semenanjung memandangkan hasil laporan kajian ini hanya tertumpu di kawasan negeri Selangor sahaja. Kajian boleh dilakukan menggunakan metodologi yang sama dan boleh diperluaskan lagi.

Antara perkara pokok yang dihasilkan ialah lebih tumpuan perlu dilakukan terhadap memberi didikan kepada golongan peniaga bagi memudahkan lagi cara dan kaedah terbaik bagi memahami konsep keberkatan membayar zakat dan cara bagaimana menarik lebih ramai lagi peniaga untuk tampil ke hadapan dan membayar zakat. Didikan ilmu zakat ini tidak hanya terletak kepada ceramah-ceramah dan kempen-kempen untuk membayar zakat sahaja. Malahan pihak yang menguruskan zakat itu sendiri perlu menjadi faktor utama disukai ramai dan lebih mesra pelanggan.

Ketelusan dan keberkesanan urusan agihan akan membuat peniaga lebih yakin dan rasa syukur dan mencapai hasrat mereka untuk membayar zakat. Mereka tidak sama sekali menyerahkan bulat-bulat beban keberkatan zakat itu kepada pengurusan zakat. Begitu juga dengan rekod kewangan yang teratur dan terkini akan membawa kepada peningkatan kutipan zakat perniagaan. Oleh itu pihak pengurusan zakat boleh melihat lebih jauh dan prihatin terhadap perkara yang boleh menyumbang kepada lebih ramai peniaga yang bersedia dan selesa dengan cara dan kaedah pengiraan zakat.

Isu zakat sebenarnya tiada kesudahannya. Ini adalah hukum Allah s.w.t dan ianya sentiasa perlu diperingati sebagai salah satu amalan dakwah dalam Islam. Kita tidak boleh berhenti dan mengaku cukup sudah usaha yang dilakukan. Kami sebagai kumpulan penyelidik merasakan bahawa kajian ini amatlah berharga dan tiada tandingannya. Kami berdoa supaya setiap tulisan fakta dalam kajian ini adalah petunjuk dan taufik daripada Allah s.w.t. Sebagai manusia tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Mohon ampun dan maaf kepada Yang Maha Esa.

Oleh itu, pembayar zakat sendirinya mahu melihat dan memahami dengan jelas dan nyata berkaitan keberkatan zakat yang telah mereka laksanakan.

Rujukan

- Abdul Halim, M. N., Rawi, N., & M Sulaiman, Z. (2011). Determining The Effectiveness Of Zakat Management In Malaysia. In *The World Universities 1st Zakat Conference* (pp. 1–9).
- Abdul Muhaemin, M. (2009). Tuntutan Agama Dalam Membuat Perancangan Harta. In *Seminar Perancangan Harta Individu dan Harta Syarikat Islam* (pp. 1–30). Hotel Flamingo Ampang.
- Azman, A. R., Mohammad, H. A., & Syed Mohd Najib, S. O. (2012). Zakat Institution in Malaysia : Problems and Issues. *GJAT*, 2(1), 35–42.
- Baker, S. E., & Edwards, R. (2012). How many qualitative interviews is enough ? *National Centre for Research Methods Review Paper*, 1 – 42. doi:10.1177/1525822X05279903
- Halizah, M. A., Kasumalinda, A., & Agoos Munalis, T. (2011). Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies. In *2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER)* (pp. 2515–2522).
- Mohd Rahim, K., Ariffin, M. S., & Abd Samad, N. (2011). Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia : A Theoretical Economic Exposition. In *8th International Conference on Islamic Economics and Finance Compliance* (pp. 1–17).
- Mohd Rizuan, A. K. (2015). *A Framework to Harmonise Shariah Principles and Conditions related to Business Zakat with Accounting Reporting Standards - Malaysian Context*. University Sultan Zainal Abidin.
- Norazlina, A. W., & Abdul Rahim, A. R. (2011). Efficiency And Governance Of Zakat Institutions. In *The World Universities 1st Zakat Conference* (pp. 1–10).
- Ram Al Jaffri, S. (2010). *Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan di Negeri Kedah Darul Aman*. Universiti Utara Malaysia.
- Sanep, A., Hairunnizam, W., & Adnan, M. (2006). Penswastaaan Institusi Zakat Dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *IJMS*, 13(2), 175–196.
- Siti Mashitoh, M. (2007). Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti dan Harapan. In *Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan* (pp. 1–21).